

Zull Hanif kini seronok belajar

Oleh AIZAWATI AHMAD

PEKAN 27 Feb. - Bagi murid kenit, Muhd. Zull Hanif Abd. Halim, 7, tiada yang lebih menggembirakan apabila mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Sinar Mutiara di sini dengan menggunakan kerusi bermotor.

Daripada riak wajah, ternyata kanak-kanak yang ketinggiannya hanya 72 sentimeter itu dan berat 7.5 kilogram cukup teruja apabila diberi peluang pertama kali menggunakan kerusi berkenaan sewaktu di dalam kelas.

Bagaimanapun, apabila ditanya perasaannya, Zull Hanif tanpa bersuara dan tersipu-sipu hanya menganggukkan kepala sahaja.

Pemerhatian *Utusan Malaysia* juga mendapati jika selama ini, murid istimewa itu terpaksa mendengar sewaktu guru mengajar, kini dia tidak lagi perlu berbuat demikian.

Dia dilihat cukup selesa dengan kerusi berkenaan ketika mengikuti pembelajaran didalam kelasnya.

Rakan-rakan sekelas turut teruja dan mengerumuni kanak-kanak tersebut ketika dia menekan butang kawalan untuk menggerakkan kerusi berkenaan ke atas dan ke bawah.

Zull Hanif yang mendapat perhatian umum termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini, begitu bersemangat dengan kerusi bermotor yang diberi nama ZUMP rekaan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Abd. Halim Sulaiman, 30, berkata, anaknya itu tidak sabar-sabar untuk menggunakan kerusi tersebut dan sering bertanyakan bila dia boleh menggunakannya.

"Hari-hari Zull tanya saya bila abang hendak dapat kerusi. Bila saya beritahu dia, kerusi bermotor tersebut akan dihantar ke sekolah hari ini, dia seronok sangat," katanya ketika ditemui.

Kerusi itu telah dihantar oleh kakitangan

UMP ke sekolah sendiri oleh Naib Mat Lela kepada Guru Besar SK Sinar Mutiara, Mahmad Redzuan Zainab.

Menurut Abd. Halim, selepas majlis penyerahan kerusi itu, Timbalan Perdana Menteri di Pekan baru-baru ini, anak kakaknya, Zurin, 10, mengenai kerusi istimewanya.

"Zull tidak berani bercerita dan dia cakap kepada kakaknya bahawa dia sahaja yang akan dapat kerusi tersebut.

"Malah, setiap dia bertanya kenapa kerusi tak sampai dengan rakan-rakan di sekolahpun Zull bersemangat apabila ditanya mengenai ususnya itu," ujarnya.

Nama kerusi itu telah diambil bersempena nama Zull Hanif dan UMP serta *Utusan Malaysia* yang berperanan sebagai media yang mencetuskan idea kreatif bagi membina kerusi berkenaan.

Abd. Halim berkata, peranan yang dimainkan oleh UMP dalam kerjasama *Utusan Malaysia* telah banyak membantu mengubah kehidupannya itu bagi menjalani proses pembelajaran bersama rakan-rakan sekelas yang lain.

"Saya berasa lega terharu, kini anak saya boleh duduk dengan rakan-rakan sekelasnya dan penting dia boleh belajar seperti kanak-kanak normal yang lain," jelasnya.

Sementara itu, Mohammad Said berkata, walaupun teruja melalui pelbagai cabaran sewaktu mencipta kerusi berkenaan, ia tetap berdisiplin mengikut jadual.

"Saya berterima kasih kepada *Utusan Malaysia* kerana projek ini merupakan satu cabaran yang menguji kemampuan UMP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berfungsi untuk membantu masyarakat," katanya.



MUHD. ZULL HANIF Abd. Halim diperhatikan Dr. Mohammad Said Mat Lela (kiri) dan rakan-rakan sekelas, mencubase sendiri kerusi bermotor 'ZUMP' di Pekan, Pahang, semalam.

- Gambar RUSHDY SALLEH